

# Ibu, anak terima ijazah

>>Oleh Siti Fatimah Hassan  
sfhassan@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Tidak sangka pula kami anak-beranak boleh menamatkan pengajian serentak. Namun, apa yang penting saya ingin memberi contoh terbaik kepada anak usia dan status seorang ibu tidak menghalang untuk menimba ilmu.

"Memang cabaran buat saya untuk meneruskan pengajian terutama apabila sudah 20 tahun meninggalkan pelajaran tetapi ia dilakukan demi memajukan diri. Mujur keluarga memberi sokongan padu dan begitu memahami cita-cita saya," kata penerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Azida Abd Aziz, 46, pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia

(UPM) ke-31, di sini, semalam.

Dia yang sebelum ini berkhidmat sebagai akauntan di Jabatan Akauntan Negara, meraikan kejayaan itu bersama anak sulungnya, Mohd Syahim Jamsari, 21, yang menerima Diploma Sains Komputer.

Mohd Syahim berkata, semangat ditunjukkan ibunya menjadi pendorong serta contoh bagi meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi.

"Sikap ibu itu secara tidak langsung menjadikan kami adik-beradik bersaing untuk meneruskan pengajian ke peringkat paling tinggi.

"Diharap ia menjadi contoh kepada adik supaya meletakkan keutamaan terhadap pelajaran," katanya yang mempunyai dua adik.

Majlis konvokesyen yang

berlangsung selama lima hari bermula Sabtu lalu, menyaksikan seramai 7,949 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam pelbagai bidang.

Seramai 136 daripadanya menerima ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana (996), ijazah sarjana muda (6,117) dan diploma (700).

Sementara itu, Azida memberitahu biarpun pelajaran menjadi perkara utama yang dititikberatkan dalam keluarga, ia tidak bermakna dia dan suami tegas dalam membentuk anak-anak ke arah kecemerlangan.

"Memang pelajaran itu perlu nombor satu tetapi mereka tidak ditekankan semata-mata untuk belajar. Ada masa mereka akan belajar dan bermain, bukanlah menjadi ulat buku saja," katanya.



**BANGGA...**Azida dan Mohd Syahim meneliti ijazah dan diploma masing-masing sambil diperhatikan suami, Jamsari Tamsir selepas majlis konvokesyen, semalam.